

1980

KUALA LUMPUR, 22 OKT. (BERNAMA) — PARA MENTERI EKONOMI DARI KELIMA-LIMA BUAH NEGARA ASEAN AKAN MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGURANGKAN LAGI TARIF BAGI BERBAGAI BARANG-BARANG DIBAWAH PERATURAN KEISTIMEWAAN PERDAGANGAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI HARI INI PERKARA ITU AKAN DIBINCANG DI MESYUARAT PARA MENTERI EKONOMI ASEAN DI BANGKOK JUMAAT INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN AKAN BERLEPAS KE IBUNEGARA THAI ESOK UNTUK MENGETUAI PERWAKILAN MALAYSIA KE MESYUARAT ITU.

KATANYA POTONGAN-POTONGAN TARIFF YANG LEBIH BERKESAN BAGI KELUARAN-KELUARAN ASEAN AKAN MENOLONG MENGGALAKKAN PERDAGANGAN DI KALANGAN ASEAN.

MESYUARAT DUA HARI ITU JUGA DIJANGKA MELULUSKAN LEBIH BANYAK KELUARAN UNTUK DISENARAIKAN DI BAWAH PERJANJIAN ITU SELAIN DARI MENYEMAK KEMAJUAN YANG DICAPAI SETAKAT INI KE ARAH PENUBUHAN BERBAGAI PROJEK PERINDUSTRIAN ASEAN.

— BERSAMBUNG 2325/AZ

MAHATHIR-EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

DUA DARI PROJEK ITU — PROJEK UREA MALAYSIA DAN PROJEK UREA INDONESIA — TELAH PUN DIBERESKAN.

LAIN-LAIN PROJEK YANG MASIH BELUM DIBERESKAN IALAH PROJEK HABU SODA YANG DITEMPATKAN DI NEGERI THAI, PROJEK KERTAS DAN PALPA DI PHILIPINA DAN PROJEK KILANG ENJIN DIESEL DI SINGAPURA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBAYANGKAN BAHAWA SINGAPURA MUNGKIN MEMINTA PROJEK ENJIN DIESEL DIGUGURKAN KERANA KILANG ITU SEPATUTNYA MENGELUARKAN ENJIN DENGAN KEUPAYAAN 400 KUASA KUDA DAN KE ATAS YANG DIFIKIRKAN MEMPUNYAI PASARAN TERHAD.

MENGULAS TENTANG SERANGAN KE ATAS IBUPEJABAT DAERAH POLIS BATU PAHAT OLEH KUMPULAN FANATIK AGAMA BARU-BARU INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA KEJADIAN ITU TIDAK AKAN MENAKUTKAN PARA BAKAL PELABUR DARI MELABUR DI NEGARA INI.

KERAJAAN TELAH PUN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGHALANG BERULANGNYA KEJADIAN SEUMPAMA ITU, JELASNYA.

—BERSAMBUNG 1926/AN

MAHATHIR-EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGESAHKAN LAPORAN AKHBAR BAHAWA PEN-DAFTAR PERSATUAN-PERSATUAN TELAH MENGARAHKAN ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM) SUPAYA MEMUTUSKAN HUBUNGAN DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN LUAR NEGERI.

KATANYA BAGAIMANAPUN PERINTAH ITU TIDAK DIARAHKAN SEMATA-MATA KEPADA ABIM SAHAJA TETAPI KEPADA LAIN-LAIN PERTUBUHAN.

+JIKA TUAN-TUAN MASIH INGAT, KAMI TELAH JUGA MEMERINTAHKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SUPAYA MEMUTUSKAN HUBUNGAN DENGAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA LUAR NEGERI+, KATANYA.

+INI IALAH SEMATA-MATA UNTUK MENJAMIN AGAR PROSEDUR-PROSEDUR DAN PERATURAN-PERATURAN YANG TERDAPAT KINI DIPATUHI. KAMI TIDAK MENENTANG MANA-MANA PERTUBUHAN TERTENTU+. JELASNYA.

DI BAWAH SEKSYEN 13A(B) AKTA PERTUBUHAN, PERTUBUHAN DALAM NEGERI
CUMA BOLEH MENGADAKAN HUBUNGAN DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN LUAR
NEGERI HANYA DENGAN KEBENARAN MENTERI DALAM NEGERI. —BERSAMBUNG 89
1945/BY

B624

MAHATHIR — EKONOMI 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, KETIKA MERASMIKAN KURSUS PERLEMBAGAAN DAN PENTADBIRAN
BAGI 174 ORANG PEMIMPIN BAHAGIAN UMNO DI IBUPEJABAT UMNO DI SINI,
DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN PARTI ITU
MENGGESE AHLI-AHLI UMNO SUPAYA SENTIASA MEMATUHI KEPADA
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN PARTI.

INI IALAH BERTUJUAN MENJAMIN KEKUATAN DAN KESTABILAN UMNO YANG
BERTERUSAN.

KATANYA UMNO TELAH BERJAYA MENGEKALKAN KEPERIBADIAN KEBANGSAANNYA
KERANA IA MEMPUNYAI SATU PERLEMBAGAAN YANG BERKESAN.

+TANPA PERLEMBAGAAN YANG BERKESAN, UMNO TIDAK AKAN DAPAT MENGE-
KALKAN KEPERIBADIAN NASIONALNYA, TANPA SEBUAH PARTI NASIONAL,
DEMOKRASI TIDAK AKAN BERJALAN DI NEGARA INI+, TEGASNYA.

—BERSAMBUNG 1947/BY